

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 30/08/2017

Edisi / Muka Surat : Nasional / 16

Pelancongan Koperasi Sekolah disasar RM1j

JERANTUT 29 Ogos - Program Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) yang dilaksanakan di koperasi-koperasi sekolah terpilih di seluruh negara mampu memberikan sumbangan signifikan kepada perolehan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah (**gambar**) berkata, berdasarkan kepada sambutan baik terhadap program PKS, pihaknya menyasarkan perolehan koperasi PKS tahun ini mampu mencapai RM1 juta berbanding RM500,000 pada tahun lalu.

"Jadi saya menyeru kepada semua koperasi sekolah, khususnya yang terlibat dalam PKS supaya merebut peluang ini dalam industri pelancongan yang sedang meningkat.

"PKS ini bukan sahaja dapat meningkatkan lagi perolehan koperasi sekolah, malah mendidik pelajar menjadi usahawan berjaya apabila mereka menamatkan persekolahan nanti," katanya dalam sidang akhbar penutupan Program Lawatan Best 14 PKS Pelancongan Bersama Antara Sekolah (Istac) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Temin di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengetua SMK Temin, Rusma Md. Taha. Menurut Abdul Fattah, pada masa ini, terdapat 500 koperasi sekolah yang melaksanakan PKS daripada keseluruhan 2,345 koperasi sekolah di seluruh negara.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 60 koperasi dikenal pasti aktif dalam PKS termasuklah tiga koperasi sekolah di Pahang yang menumpukan kepada keunikan ekopelancongan negeri.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia